

11/02/2003

Dr Mahathir kecewa liputan telefon bimbit belum meluas

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mempersoalkan ketidakupayaan syarikat telekomunikasi tempatan menyediakan perkhidmatan telefon bimbit secara meluas ke seluruh ceruk negara, sedangkan industri itu kini berkembang pesat.

Perdana Menteri berkata, orang ramai terus bersungut kerana tidak boleh menggunakan telefon bimbit di banyak tempat termasuk di kawasan bukit,

"Ini tidak memberi gambaran baik mengenai usaha dan teknologi yang diguna pakai bagi menyediakan infrastruktur komunikasi tempatan," katanya.

Beliau yang sedih dengan keadaan itu, meminta syarikat telekomunikasi tempatan meningkatkan liputan penggunaan telefon bimbit di seluruh pelosok negara.

Dr Mahathir menyuarakan perkara itu ketika merasmikan Menara Telekom, iaitu satu lagi mercu tanda di ibu negara dengan reka bentuknya unik berkonsepkan pucuk rebung.

Hadir sama isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan Pengerusi Telekom Malaysia, Tan Sri Md Radzi Mansor.

Dr Mahathir juga menyentuh kewujudan banyak menara pemancar telekomunikasi yang menurutnya mencacatkan pemandangan.

Beliau berkata, sepatutnya hanya perlu ada satu pihak yang membina menara pemancar dalam bentuk yang menarik dan ia kemudian disewa syarikat telekomunikasi.

Dengan cara itu, katanya, bukan saja bentuknya cantik, malah lebih penting ialah bilangan menara seumpama itu dapat dikurangkan.

"Walaupun kita sudah desak beberapa kali, tapi syarikat telekom tidak ingin ada ikatan efisien yang menguntungkan seperti penggunaan sebuah menara untuk semua," katanya.

Beliau berharap kemudahan sistem pemancar di Menara Telekom turut digunakan syarikat komunikasi lain.

"Kalau kita berkongsi kemudahan, ini dapat mengurangkan perbelanjaan kita dan dapat memperbaiki skyline (pemandangan) Kuala Lumpur," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut menegur sesetengah pihak yang mengkritik dasar penswastan tanpa melihat kejayaan program itu, seperti diharungi Telekom Malaysia Bhd serta beberapa agensi lain.

Perdana Menteri berkata, memang kadangkala program penswastan menemui kegagalan terutama ketika kegawatan sebelum ini, tetapi ia masih menjadi pendekatan terbaik dalam mempercepatkan proses memajukan negara.

Katanya, program itu yang dilaksanakan sejak 19 tahun lalu sebenarnya berjaya menggerakkan ekonomi negara, selain berupaya mengurangkan beban kewangan kerajaan kerana tidak perlu membiayai agensi yang diswastakan.

Beliau memberi contoh, Telekom Malaysia yang mengaut keuntungan lebih RM1 bilion setiap tahun, bukan saja berjaya meningkatkan pendapatan pekerja, malah membantu mengisi kantung kerajaan melalui kutipan cukai korporat.

"Dengan penswastan, jelas bahawa bukan saja khidmat telekomunikasi ini dapat dikembangkan dengan pesat, pekerja pula mendapat banyak manfaat.

"Sebelum diswastakan, kerajaan membelanjakan ratusan juta ringgit bagi membiayai Jabatan Telekom.

"Tetapi kini, bukan saja kerajaan tidak perlu membiayai perkhidmatan telekomunikasi, malah ia mampu mengutip cukai daripada keuntungan syarikat seperti Telekom Malaysia," katanya.

Mengenai persaingan yang dihadapi Telekom Malaysia dengan beberapa syarikat telekomunikasi lain, Dr Mahathir berkata, ini adalah sesuatu yang penting bagi memastikan pelanggan menikmati perkhidmatan yang cekap.

"Sesiapa yang cekap dalam memberikan layanan dan khidmat, mereka itulah yang akan mencapai kejayaan," katanya.